

# **ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA: PERSPEKTIF PERUBATAN DAN LINGUISTIK**

*Abdullah Yusoff*

dr.aby\_pekak@hotmail.com

Jabatan Pendidikan Khas

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kota Bharu

*Che Rabiaah Mohamed*

aleef@hotmail.com

Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Universiti Sains Malaysia, Kampus Kubang Kerian

## **Abstrak**

Komuniti orang pekak berkomunikasi berlainan daripada mereka yang berpendengaran biasa. Orang biasa melalui saluran bunyi, iaitu pertuturan dan orang pekak melalui saluran isyarat. Isyarat yang digunakan orang pekak dikaitkan dengan ketidakmampuan mereka mendengar bunyi akibat kecacatan pada deria pendengaran. Lalu mereka dilabel sebagai orang cacat seperti kumpulan orang cacat yang lain. Akhir-akhir ini timbul pandangan yang melihat orang pekak sebagai tidak memiliki kecacatan tetapi sebagai pengguna bahasa yang berlainan. Perspektif ini dilihat dari sudut linguistik, manakala dari perspektif perubatan orang pekak dilihat sebagai cacat kerana bermasalah dengan deria dengar dan tidak mampu bertutur. Hal ini akan dibincangkan melalui persoalan yang berikut: (1) Apakah komuniti orang pekak merupakan kumpulan orang yang memiliki kecacatan atau kumpulan pengguna bahasa minoriti? (2) Bagaimanakah kedudukan komuniti orang pekak di Malaysia? (3) Apakah yang dimaksudkan dengan komunikasi dan bagaimanakah orang pekak berkomunikasi? Kefahaman tentang persoalan

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

tersebut penting untuk kita membuat perbandingan, perbezaan dan perkaitannya dengan komunikasi yang digunakan oleh orang pekak, dan akan memberikan maklumat apakah perlu orang pekak dilabel sebagai orang cacat yang tiada bahasa.

Kata kunci: orang pekak, pengguna minoriti bahasa, saluran isyarat

### *Abstract*

*Deaf people communicate differently from those with normal hearing. Those who can hear communicate via speech whereas the deaf communicate through sign language. Their mode of communication is related to their inability to hear sounds due to their defective sense of hearing. They are thus labelled as disabled people. Recently, a new opinion has emerged that the deaf should be considered a linguistic minority. This opinion derives from the linguistic perspective, while from a medical point of view, the deaf are considered to be hearing-impaired. This issue will be examined based on the following research questions: (1) Are the deaf a disabled community or a language minority group? (2) What is the status of the deaf community in Malaysia? (3) What is the definition of communication and how do the deaf communicate? An understanding of these issues is important in order to make a comparison as well as to identify the differences and relationship between the modes of communication used by those with normal hearing and the deaf, and will provide information as to whether the deaf should be labelled as disabled persons devoid of language.*

*Keywords:* *deaf people, language minority group, sign language*

## PENGENALAN

Dari segi komunikasi, kebanyakan orang pekak berkomunikasi berlainan daripada orang pendengaran biasa (OPB). Mereka menggunakan bentuk isyarat dan bentuk komunikasi sebegini sangat sinonim dengan orang pekak semenjak dahulu lagi walaupun terdapat orang pekak yang boleh bertutur. Dari aspek cara berkomunikasi, terdapat juga orang pekak yang berkomunikasi menggunakan kombinasi bentuk isyarat dan bentuk bertutur. Dalam hal ini Zeshan (2005) seorang ahli linguistik bahasa isyarat orang pekak (BIOP) mengklasifikasikan orang pekak yang berkomunikasi

melalui isyarat dan boleh bertutur sebagai kumpulan komuniti yang “dwibahasa”.

Secara perbandingan, bentuk kedwibahasaan orang pekak tidak seperti orang pendengaran biasa (OPB) kerana OPB berdwibahasa melalui jenis bahasa yang berbeza tetapi salurannya tetap sama, iaitu “lisan”. Contohnya, kebanyakan OPB di Malaysia berbahasa Melayu dan Inggeris. Sedangkan orang pekak berdwibahasa melalui bentuk bahasa yang berbeza serta salurannya juga berbeza, iaitu lisan dan isyarat. Dalam konteks Malaysia, terdapat orang pekak yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa ibunda mereka seperti Tamil, Kantonis dan sebagainya berdasarkan etnik atau bahasa yang digunakan di rumah. Walaupun pertuturan mereka tidak jelas tetapi boleh difahami oleh ahli keluarga dan mereka yang selalu bersosialisasi dengannya. Di samping itu, terdapat orang pekak Malaysia yang boleh menggunakan isyarat Malaysia (MySL: Malaysian Sign Language) dan Inggeris (ASL: American Sign Language atau BSL: British Sign Language). Oleh itu, mereka boleh diklasifikasikan sebagai mempunyai ekabahasa. Kajian tentang kedwibahasaan dalam kalangan orang pekak dilakukan oleh Antia, Reed dan Kreimeyer (2005) dan Abdullah (2006).

Kebanyakan ahli masyarakat melihat komunikasi berbentuk isyarat yang digunakan orang pekak tidak merupakan satu bahasa atau mempunyai status rendah berbanding dengan bentuk komunikasi lisan yang digunakan oleh kebanyakan OPB (Abdullah, 2006b). Di samping itu, penggunaan isyarat sebagai medium komunikasi oleh orang pekak dikaitkan dengan kecacatan pada deria pendengaran mereka. Sehubungan itu, sebagai akibat daripada penggunaan isyarat sebagai medium komunikasi utama, mereka dilabel sebagai “komuniti orang cacat”.

Berdasarkan situasi di Malaysia, kajian ini cuba mengetengahkan dan membincangkan hal berkaitan sama ada orang pekak sebagai cacat atau pengguna bahasa minoriti melalui persoalan yang berikut:

- Apakah orang pekak merupakan kumpulan orang yang memiliki kecacatan atau kumpulan pengguna bahasa minoriti?
- Bagaimana kedudukan komuniti orang pekak di Malaysia?
- Apakah yang dimaksudkan dengan komunikasi?
- Bagaimanakah orang pekak berkomunikasi?

Berdasarkan persoalan tersebut, matlamat utama kajian ini adalah untuk menghuraikan dan menjelaskan isu tersebut dan mengaitkannya dengan komunikasi orang pekak. Melalui perbincangan ini, diharap konsep isyarat

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

yang digunakan orang pekak sebagai media komunikasi utama mereka dapat diletakkan pada tahap yang sepatutnya, terutama dalam pelabelan sebagai komuniti cacat atau komuniti pengguna minoriti bahasa.

Untuk menjawab persoalan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan retrospektif, iaitu satu pendekatan yang mengambil kira perbincangan yang lalu dan semasa berkaitan dengan isu-isu yang diperkatakan (Robson, 1995). Kemudian, pengkaji cuba membuat penghuraian dan meramalkan impaknya. Walau bagaimanapun, berdasarkan konteks tempatan, isu-isu yang ditimbulkan masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji lain dalam hal meneliti komunikasi yang digunakan oleh komuniti orang pekak.

## ORANG PEKAK: CACAT ATAU PENGGUNA BAHASA MINORITI?

Dalam konteks budaya masyarakat Melayu, “pekak” merupakan kata popular yang merujuk kepada seseorang yang tidak dapat mendengar. Persoalannya, banyak manakah ketidakmampuan seseorang mendengar yang boleh dikategorikan sebagai pekak? Hal ini dapat dilihat pada (1) jarak penutur dengan orang yang dilawan bercakap, (2) kekuatan suara yang digunakan semasa bertutur dan (3) kebolehan seseorang mendengar semasa berkomunikasi.

Pada umumnya, seseorang yang tidak dapat mendengar pertuturan yang dihasilkan dengan kadar kekuatan biasa (16dB hingga 40dB) dalam jarak dua kaki, seseorang itu dikatakan mengalami pekak. Selain itu, orang pekak juga tidak mempedulikan panggilan dan sapaan orang lain jika seseorang yang bercakap tidak bersemuka dengannya. Jarak dua kaki ialah kadar jarak dan kekuatan biasa apabila kita bercakap dengan seseorang. Orang pekak juga selalu menghalakan telinganya ke arah orang yang dilawan bercakap untuk menangkap bunyi bahasa dan makna yang diperkatakan. Selain itu, mereka juga banyak bergantung pada gerak bibir dan bahasa badan untuk mendapatkan sesuatu klu wacana yang diperkatakan. Walau bagaimanapun, Watson (1996) menegaskan keadaan ini banyak bergantung pada darjah kepekakan yang dialami seseorang. Keterangan ini ialah huraian umum bagi menjelaskan siapakah orang pekak?

Dalam masyarakat Melayu, terdapat beberapa istilah dan ungkapan yang digunakan untuk merujuk komuniti pekak. Kosa kata pekak dan bisu ialah perkataan yang popular merujuk secara langsung kepada mereka yang bermasalah dalam pertuturan dan pendengaran. Selain daripada itu,

terdapat beberapa kata dan frasa lain yang merujuk hal yang sama, yang boleh ditafsirkan sebagai “melembutkan” maknanya kerana perkataan pekak dan bisu boleh membawa konotasi kurang menyenangkan kepada sesetengah pihak. Kata dan frasa lain yang merujuk kepada pekak seperti tuli, congek, cacat pendengaran, tuna dengar, tuna kerna dan berat telinga, yang merujuk secara khusus kepada seseorang yang mengalami masalah pendengaran. Kelu, kelu lidah, kemab, gagu dan tuna tutur pula merujuk kepada bisu, yang bermaksud bermasalah dalam pertuturan. Sebahagian daripada kata ini dapat dirujuk dalam *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (1990).

Di samping itu, terdapat peribahasa, simpulan bahasa dan perumpamaan yang merujuk hal yang sama, antaranya seperti pekak badak, pekak labang, yang pekak pelepas bedil dan yang bisu penggera ayam. Hal ini memperlihatkan betapa kayanya bahasa Melayu dalam penggunaan kata dan ungkapan bagi merujuk mereka yang bermasalah dalam berkomunikasi.

Manakala, dari segi fizikal, kebanyakkan orang pekak kelihatan sama dengan mereka yang berpendengaran biasa kerana ketidakmampuan orang pekak mendengar tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan kecacatan pada mana-mana anggota badan atau pada bahagian telinga luar. Majoriti daripada mereka mempunyai bahagian telinga luar yang normal (wawancara dengan Presiden POPM, 2009). Sementelah itu, perkembangan akhir-akhir ini tentang teknologi visual-bunyi memperlihatkan kebanyakkan penggunanya memakai alat bantuan pendengaran (*ear phone*) sepertimana yang dipakai oleh orang pekak bagi menikmati seni muzik. Pemakaian alatan itu menyukarkan kita membezakan yang mana individu pekak dan yang mana bukan individu pekak. Orang pekak memakainya dengan tujuan menguatkan bunyi bahasa bagi menambahkan kefahaman manakala OPB bermatlamat menikmati muzik yang didengar.

Dari segi darjah kepekakan, teknologi masa kini mampu menyukat darjah kehilangan pendengaran yang dialami seseorang. Alat yang digunakan ialah “audiometer” dan mereka yang berwibawa mengendalikan ujian pendengaran dikenali sebagai ahli audiologi (Watson, 1996). Ahli audiologi menggunakan audiometer untuk menyukat kehilangan pendengaran seseorang pada frekuensi dan kadar kekuatan bunyi tertentu pada kedua-dua belah telinga. Unit sukatan pendengaran digunakan ialah desibel (*decible*). Purata kebolehan mendengar daripada kedua-dua belah telinga diklasifikasikan kepada beberapa kategori pekak (Watson, 1996) seperti dalam Jadual 1.

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

Walau bagaimanapun, pengkaji bidang ini tidak sepakat dalam mengkategorikan pekak dan sukanan pekak berdasarkan darjah sisa-sisa kehilangan pendengaran seseorang (Powers *et al.*, 1998). Berdasarkan darjah kehilangan sisa-sisa pendengaran yang diukur, pengkategorian atau pengelasan pekak dilakukan. Sebagai perbandingan, perbezaan pengelasan pekak yang digunakan oleh pengkaji di Malaysia, United Kingdom dan Amerika Syarikat seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Kategori pekak dan kekuatan atau kehilangan bunyi.

| Kategori Pekak                         | Kehilangan Bunyi (dB)                           |   |   |
|--|---|---|---|
|  | Malaysia<br>(Elango<br><i>et al.</i> ,<br>1992) | United<br>Kingdom<br>(Powers<br><i>et al.</i> , 1998) | Amerika<br>Syarikat<br>(Powers<br><i>et al.</i> , 1998) |
| Biasa (Normal)                         | 0-24  | 0-19  | 0-26  |
| Pekak sedikit ( <i>Mild</i> )          | 25-50   | 20-40   | 27-40   |
| Pekak sederhana ( <i>Moderate</i> )    | 51-70   | 41-70   | 41-55   |
| Pekak teruk ( <i>Severe</i> )          | 71-90   | 71-95   | 56-70   |
| Pekak sangat teruk ( <i>Profound</i> ) | 91-110  | >95   | 71-90   |
| Pekak ( <i>Total Deafness</i> )        | >110  | (tiada)   | >91   |

Implikasi daripada perbezaan ini membawa kesan besar dalam memahami orang pekak kerana laporan penyelidikan boleh membawa kepada kekeliruan. Dalam hal ini, kekeliruan pertama ialah dari segi pengkategorian pekak. Ada pengkaji membahagikannya kepada lima dan yang lain menggunakan enam. Kedua, dari segi perbezaan sukanan pekak dilihat pada unit sela atau julat yang digunakan. Walau bagaimanapun, penyelidik bidang ini bersepakat mengatakan orang pekak mempunyai masalah dalam pendengaran (Abdullah, 2006).

Selain itu, perkembangan ilmu dan teknologi masa kini membolehkan pekak dilihat daripada pelbagai pendekatan (Knight & Swanwick, 1999)

berdasarkan kumpulan atau profesional mana yang terlibat, hal ini sudah tentu berbeza antara satu-satu profesional dengan profesional yang lain yang membawa jurang semakin besar dalam memahami orang pekak. Perbezaan ini berpaksi pada fungsi langsung setiap profesional terhadap orang pekak. Dalam hal ini Abdullah (2005) menghuraikannya berdasarkan lima profesi yang terlibat secara langsung dengan orang pekak dan berdasarkan matlamat yang ingin dicapai oleh setiap satu profesional seperti Jadual 2.

Pendekatan pendidikan bermatlamat memberi pendidikan sepertimana murid-murid lain dengan apa-apa cara bagi memenuhi dan mematuhi falsafah pendidikan sesebuah negara. Pendekatan orang pekak melihat kumpulannya tanpa kecacatan dengan bahasa dan budaya tersendiri. Manakala pendekatan patologi bahasa melihat orang pekak bermasalah dalam pertuturan dan siswa-siswi pertuturan mereka perlu dipulihara dan dipulihkan. Sebaliknya, pendekatan perubatan melihat orang pekak sebagai individu atau kumpulan yang memiliki kecacatan yang perlu dibaiki atau diubati, dan pendekatan linguistik sebagai kumpulan pengguna minoriti bahasa.

Walaupun terdapat perbezaan dari segi fungsi profesional terhadap orang pekak tetapi semua profesional tersebut mempunyai satu matlamat, iaitu untuk meningkatkan kualiti kehidupan orang pekak (Abdullah, 2005). Hal ini kerana kebanyakan orang pekak mempunyai kualiti hidup yang tidak setanding atau lebih rendah berbanding dengan mereka yang berpendengaran biasa (wawancara dengan Presiden POPM, 2004). Berdasarkan maklumat wawancara tersebut didapati kebanyakan orang pekak lemah dari segi pendidikan dan ekonomi, dan disebabkan keadaan tersebut melingkari kehidupan mereka patukkah mereka dianggap sebagai memiliki kecacatan? Sedangkan terdapat juga komuniti terpinggir dalam satu-satu negara menghadapi masalah yang sama. Umpamanya, di Malaysia kehidupan komuniti Orang Asli memiliki ciri-ciri yang agak sama dengan orang pekak dari aspek ekonomi dan pendidikan, iaitu tertinggal daripada arus perdana.

Bagi tujuan kajian ini, pendekatan perubatan dan pendekatan linguistik akan dibincangkan secara mendalam bagi meletakkan komuniti pekak dan isyarat mereka pada tahap sebagaimana yang berlaku di beberapa negara maju.

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

**Jadual 2** Profesion, tanggapan dan matlamat terhadap orang pekak.

| Profesion       | Tanggapan                                | Matlamat   |
|-----------------|--|--|
| Perubatan       | Memiliki kecacatan                       | Memulih pendengaran yang cacat supaya boleh meniru bunyi bahasa dan boleh bertutur           |
| Linguistik      | Tidak cacat dan mempunyai bahasa sendiri | Mengiktiraf bahasa isyarat orang pekak (BIOP) yang mempunyai status sama dengan bahasa lisan |
| Pendidikan      | Boleh belajar seperti pelajar biasa      | Memberi pendidikan dengan apa-apa cara supaya berjaya  |
| Orang Pekak     | Tidak cacat dengan bahasa sendiri        | Tiada kecacatan dan mempunyai bahasa sendiri   |
| Patalogi Bahasa | Kecacatan pertuturan                     | Pemuliharaan dan pemulihan pertuturan  |

## PENDEKATAN PERUBATAN

Pendekatan perubatan ialah pendekatan konvensional atau konservatif dalam mana-mana masyarakat yang melihat seseorang yang berlainan daripada kebanyakan orang dikategorikan sebagai memiliki kecacatan. Dalam hal ini orang pekak dilihat kumpulan atau individu yang memiliki kecacatan pendengaran dan hal ini meletakkan orang pekak statusnya sama dengan kumpulan atau individu lain, yang mengalami kecacatan (Knight & Swanwick, 1999). Faktor seperti keturunan atau genetik dalam jurai keturunan serta anatomi dan fisiologi sesuatu anggota badan diberi perhatian.

Kecacatan yang dialami oleh orang pekak tidak sama dengan mereka yang buta dan cacat anggota. Kecacatan lain dapat dilihat tetapi pekak adalah pada telinga, yang berkaitan secara langsung dengan deria dengar atau kemampuan seseorang mendengar (Watson, 1996). Dalam kebanyakan kes, kecacatan pekak tidak kelihatan secara fizikal kerana membabitkan bahagian telinga dalam seseorang tetapi hal ini akan dikesan apabila berkomunikasi kerana mereka tidak menjawab panggilan dan sapaan orang lain sepetimana kebiasaan (Abdullah, 1995). Dalam hal ini Minichiello *et al.* (1991: 41) menjelaskan:

*Medicine is concerned with the diagnosis and treatment of illness. Illness is defined as the presence of a lesion in the body. And a lesion is a break or break-down in the normal causal chains occurring inside the body. Symptoms are the causal effects of the breakdown. Treatment consists in removing the lesion and thus the symptoms, thereby effecting a cure.*

Pendekatan ini secara langsung berkaitan dengan profesion perubatan, mereka mengenal pasti lesi (*lesion*) pada telinga, mengesah dan menentukan tahap kecacatan pendengaran yang dialami orang pekak. Di samping itu, mereka juga berusaha untuk mengubat dan membaiki dengan apa-apa cara terutamanya secara saintifik supaya pendengaran dapat dipulihkan. Antaranya dengan mengesyorkan orang pekak supaya memakai alat bantuan pendengaran atau melakukan pembedahan pada bahagian-bahagian tertentu telinga (Watson, 1996).

Antara teknologi pembedahan terbaru pada bahagian telinga dikenali sebagai pacakan koklia (*cochlea implant*), yang didakwa oleh profesion ini dapat mengembalikan pendengaran orang pekak. Teknologi perubatan ini popular bukan sahaja di Barat tetapi juga di Malaysia walaupun kos pembedahannya sangat tinggi. Di samping itu, pendekatan ini sangat bergantung pada profesional perubatan kerana mereka berautoriti mengesahkan kepekakan seseorang serta menentukan darjah kepekakannya (Knight & Swanwick, 1999) dan melakukan pembedahan. Di Malaysia, tanpa pengesahan daripada profesional ini, kanak-kanak yang dikatakan pekak tidak boleh berdaftar dan bersekolah di sekolah yang menyediakan tempat untuk murid-murid pekak (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Dari segi perubatan anatomi dan fisiologi, telinga dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu telinga luar, telinga tengah dan telinga dalam. Kecacatan atau ketidakfungsiannya mana-mana bahagian telinga akan membawa kesan yang berbeza pada kebolehan mendengar seseorang dan jenis pekak yang dialami (Watson, 1996). Kerosakan pada telinga luar dan tengah membawa kepada pekak konduktif, dan pada telinga dalam pula pekak saraf. Pekak konduktif ialah pekak yang melibatkan saraf pendengaran di bahagian telinga dalam, manakala pekak saraf terjadi berpunca di bahagian telinga luar atau telinga tengah. Manakala mereka yang mengalami kedua-dua jenis pekak tersebut dikenali sebagai pekak campuran (Watson, 1996). Dari segi etiologi, pekak boleh terjadi sama ada semenjak lahir atau diperoleh sesudah dilahirkan. Keadaan ini juga boleh membawa impak yang berbeza pada kebolehan mendengar (Paul, 1998).

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

Pekak juga boleh berpunca daripada kecacatan deria pendengaran atau kecacatan di bahagian otak tertentu yang melibatkan pusat pendengaran dan pusat pertuturan.

Sementara itu, darjah kebolehan mendengar seseorang yang pekak dapat dikategorikan kepada beberapa kategori berdasarkan sebanyak mana kebolehan mendengar. Oleh itu, pendekatan ini memberi tumpuan pada bahagian-bahagian telinga yang rosak dan darjah kebolehan seseorang mendengar. Usaha seterusnya adalah untuk membaiki telinga yang rosak dan memulihkan pendengaran.

Berdasarkan perbincangan di atas, bahagian telinga yang rosak dan kebolehan mendengar ialah dua aspek utama yang diberi perhatian dalam pendekatan perubatan yang bermatlamat supaya orang pekak dapat bertutur. Ketidakmampuan bertutur dianggap sebagai satu kecacatan. Bagi orang pekak, bertutur adalah sesuatu yang sukar berbanding dengan penggunaan isyarat sebagai medium komunikasi. Bagi pendekatan perubatan, kesukaran atau ketidakmampuan mendengar serta ketidakmampuan bertutur dianggap sebagai cacat dan perlu diubati.

## PENDEKATAN LINGUISTIK

Pendekatan linguistik melihat orang pekak sebagai kumpulan pengguna bahasa minoriti yang berbeza daripada OPB (Lane, 2005). BIOP ialah bahasa untuk mereka yang pekak manakala pertuturan ialah bahasa untuk mereka yang berpendengaran biasa. Perbezaan bahasa ini bukan pula berpunca daripada kejadian pekak kerana kebanyakan orang pekak dikatakan tidak pernah mendengar bunyi bahasa. Bentuk bahasa yang digunakan ialah bahasa mereka sendiri. Oleh itu, adalah tidak adil jika mereka dikatakan memiliki kecacatan kerana tidak boleh berbahasa lisan ([http://www.en.wikipedia.org/wiki/legal\\_aksess pada 10 September 2006](http://www.en.wikipedia.org/wiki/legal_aksess_pada_10_September_2006)).

Berdasarkan hal ini, isu kepekakan dan tidak mempunyai bahasa pertuturan tidak timbul.

Di samping itu, pemerolehan bahasa kanak-kanak pekak sama prosesnya dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak berpendengaran biasa, iaitu melalui bentuk bahasa yang digunakan di rumah (Paul, 1998). Proses pemerolehan bahasa ini dipengaruhi oleh keadaan pekak yang dialami oleh seseorang semenjak lahir, dan bilangan ahli keluarga yang pekak yang menggunakan bentuk bahasa yang sama. Hal ini menyebabkan seseorang pekak memperoleh dan menggunakan isyarat yang digunakan

dalam keluarga lalu membentuk komuniti kecil dan bergabung dengan komuniti pekak yang lain semasa bersekolah (Mohamed Sazali Shaari, 2004; Gregory, 1998). Apabila tamat persekolahan, mereka membentuk komuniti sendiri, menggunakan bahasa dan mengamalkan budaya yang berlainan daripada yang menggunakan bahasa lisan (Paul, 1998). Mereka membentuk dan mempunyai bahasa dan budaya sendiri.

Pendekatan linguistik melihat orang pekak secara lebih positif, iaitu dengan memerhati apa-apa yang ada pada mereka serta apa-apa yang dapat mereka lakukan tetapi bukan berdasarkan apa-apa yang mereka tidak dapat lakukan. Umpamanya, jika OPB menggunakan komunikasi bentuk lisan, mereka yang pekak menggunakan isyarat semasa berkomunikasi. Kuasa dan keupayaan kedua-dua bentuk komunikasi tersebut setanding dari perspektif linguistik. Oleh itu, orang pekak dan OPB sama-sama dapat berkomunikasi, yang berbeza ialah cara mereka berkomunikasi (Paul, 1998). Adakah kerana corak atau media komunikasi orang pekak yang berbeza daripada OPB menyebabkan mereka diklasifikasikan sebagai cacat? Bilangan orang pekak tidak seramai OPB dan kebarangkalian yang menggunakan isyarat ialah seorang dalam seribu atau 0.001 peratus (<http://library.gallaudet.edu/dr/fag-statistics-deaf-other.html>, capaian pada 11 September 2006). Oleh sebab itu, pendekatan ini melihat orang pekak sebagai komuniti yang menggunakan bahasa minoriti dan berbudaya sendiri.

Apabila sekolah untuk murid pekak mula ditubuhkan, kajian terhadap bahasa, psikologi, pendidikan dan perubatan untuk orang pekak mula mendapat tempat daripada pelbagai pihak kerana kuantiti mereka dilihat semakin bertambah dan mula membentuk satu komuniti tersendiri (Lane, 2005). Sekolah pertama untuk murid pekak di Malaysia ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1954. Penubuhan sekolah juga membolehkan pelajar pekak bertemu antara mereka, menggunakan bentuk bahasa yang sama serta menambah dan memperkaya kosa kata, membina dan membentuk jati diri melalui proses sosialisasi. Amalan budaya yang dipupuk dalam kalangan mereka membolehkan mereka mewujudkan tempat-tempat pertemuan berkala dan seterusnya membentuk pertubuhan sendiri yang bermatlamat untuk memajukan ahli mereka setelah tamat persekolahan (Abdullah, 2006b; Gregory, 1998). Sebagai contoh, Gregory (1998) melaporkan kawasan ibadat seperti gereja dan majlis keramaian tertentu seperti majlis perkahwinan dan perayaan dijadikan tempat untuk mereka bertemu walaupun kewujudan orang pekak dalam satu-satu komuniti sangat

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

sedikit bilangannya. Berdasarkan pertemuan berkala membolehkan mereka berkumpul dan berkomunikasi dengan menggunakan bentuk bahasa yang sama dan difahami antara mereka. Abdullah (2006b) melaporkan keadaan ini juga berlaku dalam kalangan orang pekak di Malaysia.

Pendekatan linguistik yang melihat isyarat orang pekak setaraf dengan bahasa lisan dan orang pekak sebagai pengguna minoriti bahasa terus berkembang dan mendapat tempat sekitar awal 1970-an apabila William Stokoe melakukan kajian bersiri mulai 1950-an hingga 1960-an terhadap isyarat yang digunakan orang pekak. Beliau mengaplikasikan kaedah saintifik yang digunakan dalam kajian bahasa lisan. Beliau mendapati isyarat orang pekak mempunyai ciri-ciri yang sama dengan bahasa lisan (Lane, 2005). Berdasarkan catatan, Bernard Tervoort, ahli linguistik yang pertama meneliti bahasa isyarat orang pekak (BIOP). Beliau mengkaji aspek fonologi BIOP Netherland (Belanda) pada tahun 1956 tetapi kajian William Stokoe lebih komprehensif dan tersebar serta mendapat tempat dalam bidang ini. Pada peringkat awal, dapatan kajian William Stokoe tidak mendapat perhatian tetapi akhir-akhir ini usaha beliau telah diterima dan diiktiraf. Hal ini dijelaskan seperti yang berikut:

... perjuangan warga Pekak dan mereka yang prihatin tentang bahasa mereka telah membawaikan kejayaan. Berdasarkan catatan, Professor William Stokoe daripada Gallaudet University, Washington adalah tokoh pertama yang membuat beberapa siri penyelidikan secara saintifik dan intensif bermula tahun 1960-an tentang BIOP [bahasa isyarat orang pekak] dan dapatannya menunjukkan bahawa BIOP merupakan satu bahasa yang statusnya setanding dengan bahasa lisan. Beliau mendapati BIOP mempunyai ciri-ciri linguistik sepetimana bahasa lisan dan bukannya isyarat tanpa sistem. Kini usaha gigihnya ini sudah mula diterima umum.

Abdullah (2006b:51)

Bagi membezakan antara pekak yang merujuk seseorang yang mempunyai kecacatan dan pekak yang dirujuk sebagai pengguna bahasa minoriti, penyelidik berbahasa Inggeris melaporkan kajian dengan menandakannya “deaf” dengan huruf kecil “d” bagi merujuk cacat atau bermasalah pendengaran dan “Deaf” dengan huruf besar “D” bagi merujuk

pengguna bahasa minoriti dengan budaya sendiri (Paul, 1998). Hal ini bagi memberi pengiktirafan kepada orang pekak yang menanggapi diri mereka sebagai “komuniti pengguna bahasa minoriti” dan juga penghormatan kepada kumpulan orang pekak yang menanggapi diri mereka mempunyai masalah pendengaran tetapi tidak mahu dikategorikan sebagai pekak. Bagi penulisan di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu, penulis memperkenalkan dan mengesyorkan konsep yang sama seperti yang berikut:

Penulis menggunakan “P” merujuk kata nama khas warga pekak yang termasuk kaum Melayu, Cina dan India. Konsep ini agak asing di Malaysia tetapi di kebanyakan negara Barat seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Sweden, telah lama mengiktiraf warga pekak sebagai satu komuniti yang mengamalkan bahasa dan budaya sendiri.

... Dalam penulisan di negara-negara tersebut, “D” (*Deaf*) besar digunakan bagi merujuk warga pekak yang mengiktiraf diri mereka sebagai *deaf with their own culture* (warga pekak dengan budaya sendiri) dan “d” (*deaf*) kecil bagi warga pekak yang menanggap diri mereka bukan pekak tetapi mengalami *hearing impaired* atau *hard of hearing* (cacat pendengaran atau masalah pendengaran).

Abdullah (2006b:49)

Oleh itu, bagi menyelaraskan hal ini, dicadangkan supaya penyelidik di Malaysia atau pelapor yang menggunakan bahasa Melayu yang melakukan kajian terhadap orang pekak menggunakan bentuk tersebut apabila merujuk hal ini supaya mudah difahami pembaca bahawa kumpulan orang pekak yang mana dimaksudkan oleh penyelidik.

Berdasarkan perbincangan di atas, pendekatan linguistik menekankan bahawa orang pekak sebagai kumpulan yang mempunyai bahasa dan budaya sendiri. Jika jati diri OPB berdasarkan bangsa dan bahasa yang digunakan mereka, jati diri orang pekak berdasarkan bentuk saluran komunikasi yang digunakan mereka, iaitu isyarat, dan melalui komunikasi berkenaan mereka membentuk budaya mereka. Isyarat yang mereka gunakan bukannya simbol kecacatan tetapi sebagai satu kumpulan manusia minoriti berbanding mereka yang menggunakan bahasa lisan.

Jika pendekatan perubatan melihat orang pekak sebagai cacat kerana tidak dapat mendengar dan bertutur, pendekatan linguistik pula melihat orang pekak sebagai tidak cacat kerana mereka boleh berbahasa dan berbudaya sendiri.

## **WARGA PEKAK DALAM KOMUNITI MASYARAKAT MALAYSIA**

Secara literal, masyarakat Melayu merujuk pekak sebagai ketidakmampuan seseorang mendengar. Oleh itu, pekak dikaitkan dengan pendengaran bukannya pertuturan. Mereka yang tidak mampu bertutur pula dikenali sebagai bisu. Jika pekak dikaitkan dengan pendengaran, bisu pula dikaitkan dengan pertuturan. Pekak yang menyebabkan seseorang itu bisu, lalu tidak dapat bertutur (Paul, 1988). Disebabkan pertuturan bukan berlaku secara semula jadi kepada seseorang tetapi memerlukan kebolehan meniru atau mengajuk bunyi-bunyi bahasa. Ketidakmampuan orang pekak mendengar bunyi bahasa menyebabkan mereka tidak dapat meniru bunyi bahasa, lalu tidak dapat menghasilkannya. Sebaliknya, mereka mampu berkomunikasi seperti OPB melalui saluran isyarat.

Sebagai perbandingan, orang berpendengaran biasa juga tidak dapat membunyikan bahasa-bahasa dunia yang lain jika mereka tidak pernah mendengar bahasa berkenaan. Hal ini memperlihatkan kebolehan mendengar penting bagi membolehkan seseorang berbahasa lisan. Tetapi jika OPB tidak dapat berkomunikasi apabila berada dalam komuniti pengguna bahasa lain, bolehkah mereka dianggap sebagai mengalami cacat atau pekak seperti yang dilabelkan kepada orang pekak?

Tanggapan yang mengatakan orang pekak mempunyai kecacatan pada alat artikulasi seperti lidah pendek atau tiada anak tekak dalam kalangan masyarakat Melayu merupakan tanggapan yang salah. Hal ini merupakan andaian sahaja.

Sukar untuk mendapat perangkaan yang tepat tentang berapakah bilangan orang pekak di Malaysia. Hal ini kerana tidak adanya tatacara tersusun dan penyelarasan secara langsung antara kementerian yang terlibat dengan orang pekak. Antara kementerian yang terlibat secara langsung ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan kelahiran dan pengesanan awal terhadap sebarang kecacatan, Kementerian Pelajaran memberi perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi perkhidmatan berkaitan dengan hal-hal kebijakan orang kurang upaya (OKU) Malaysia (Jabatan Pendidikan Khas, 2006).

Pada umumnya, orang pekak di Malaysia dikategorikan sebagai sebahagian daripada OKU berdasarkan pengkategorian kementerian tersebut walaupun kebanyakan orang pekak berasa berat hati menerimanya (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Akibatnya, perancangan tersusun yang berdasarkan keupayaan orang pekak tidak dapat dilakukan untuk memaksimumkan potensi orang pekak ke arah pembangunan insan kepada negara kerana pengkategorian ini meletakkan mereka setaraf dengan kumpulan orang cacat yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai usaha dan program telah dilakukan ke arah membangunkan orang pekak. Peluang untuk mendapat pendidikan yang lebih baik telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Contohnya, mulai tahun 2002 kerajaan Malaysia memberi dermasiswa kepada mana-mana pelajar pekak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (Jabatan Pendidikan Khas, 2005). Usaha ini memperlihatkan bahawa kerajaan telah mengiktiraf keupayaan pelajar pekak dalam pendidikan. Usaha ini merupakan satu rangsangan kepada pelajar pekak dan ibu bapa mereka supaya berusaha gigih dalam pendidikan.

Berkaitan dengan jumlah orang pekak di Malaysia, Persekutuan Orang Pekak Malaysia (POPM) mendakwa terdapat 24 ribu warga Pekak di Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (*Berita My DEAF'NEWS*, 2006). Terdapat kira-kira empat ribu murid yang sedang bersekolah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dari segi pengkategorian sama ada pekak atau bermasalah pendengaran POPM yang mewakili ahlinya tidak pernah menerima kenyataan bahawa ahlinya bermasalah pendengaran atau memiliki kecacatan (Mohamed Sazali Shaari, 2004). POPM mendakwa ahlinya adalah sama seperti manusia biasa cuma berbeza dari segi bentuk komunikasi yang digunakan. Dalam satu persidangan, dengan menggunakan bahasa isyarat, Presiden POPM, Mohamed Sazali Shaari (2004) mendakwa:

Kami bukan cacat, tidak ada satu pun anggota tubuh badan kami yang cacat. Kami bukan pembawa masalah, banyak lagi kumpulan lain yang membawa masalah kepada negara. Adakah tuan puan nampak mana-mana bahagian saya yang kurang? Kami semua sama dengan tuan puan. Saya mempunyai lima orang anak, tidak cacat pun [ambil menunjukkan...]. Cuma kami tidak dapat mendengar tetapi kami boleh berkomunikasi dengan cara kami.

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

Walau bagaimanapun, bagi mendapat manfaat daripada pelbagai program yang dianjurkan oleh kerajaan, ahli POPM akur dengan keperluan mendaftar sebagai OKU dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai sebahagian daripada OKU. Boleh dikatakan kesemua ahli POPM mempunyai kad pengenalan OKU yang dikeluarkan oleh jabatan tersebut. Antara manfaat daripada pendaftaran tersebut ialah mereka mendapat bantuan pendidikan, bantuan kewangan, tambang pengangkutan awam separuh harga, contohnya.

Sebagai satu komuniti, kuantiti orang pekak kecil jumlahnya tidak sepertimana komuniti Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun perkembangan terkini memperlihatkan komuniti orang pekak lebih tersusun dan mendapat pendidikan yang agak baik serta wujud di setiap negeri melalui persatuan yang ditubuhkan secara berdaftar dan berpayung di bawah POPM (Abdullah Yusoff, 2006b). Nama POPM popular bukan sahaja pada peringkat tempatan tetapi juga di arena antarabangsa dengan penglibatan aktif dalam pelbagai seminar dan berpayung di bawah World Federation of the Deaf. POPM mampu mengendalikan seminar bertaraf antarabangsa (Abdullah, 1997), kebangsaan, dan seumpamanya sebagai aktiviti berkala. Terbaru mereka mampu menubuhkan pusat jurubahasa isyarat yang dinamakan Centre for MySL (MySL ialah akronim daripada Malaysian Sign Language) dan menerbitkan buletin sendiri dikenali *Berita MyDeaf News* (*Berita MyDEAF News*, 2006). Mereka menggunakan bentuk bahasa dan mengamalkan budaya tersendiri mereka yang diwarisi untuk memperlihatkan usaha membangun dan membentuk komuniti dengan jati diri tersendiri (Abdullah, 2006b).

Sepertimana yang berlaku dalam kalangan komuniti pekak di Barat, pertemuan berkala komuniti pekak Malaysia diadakan seperti pada hujung minggu dan cuti umum di premis persatuan atau di lokasi yang ditetapkan. Pertemuan sempena hari cuti umum dilakukan seperti sambutan Maal Hijrah, 31 Ogos, dan pelbagai perayaan sama ada pada peringkat tempatan, negeri, nasional dan antarabangsa. Pertemuan sebegini membolehkan mereka berkomunikasi melalui bahasa mereka, mengamalkan budaya, mengekalkan jati diri dan identiti komuniti mereka.

Pada kelazimannya, berkomunikasi sesama ahli dengan bahasa yang sama adalah lebih selesa kerana saling memahami di samping mengekalkan bahasa dan amalan budaya mereka. Semangat perpaduan dan kekitaan terserlah melalui pertemuan sebegini. Dalam hal ini Abdullah (2006: 49b) melaporkan:

Penulis juga berkesempatan menghadiri beberapa siri pertemuan warga pekak dan dapat melihat dan merasakan bahawa persamaan bahasa yang digunakan dapat mengeratkan lagi rasa kekitaan. Satu ciri yang tidak ada pada komuniti lain ialah ahli-ahli kumpulan ini merentas kaum, iaitu ahli-ahli kumpulan ini terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia. Kaum Melayu yang paling ramai, diikuti dengan kaum Cina dan kaum India, dan lain-lain.

Semasa pertemuan tersebut, orang pekak menggunakan bentuk bahasa tersendiri, yang saluran penyampaiannya ialah melalui saluran “isyarat-lihat”. Melalui saluran ini mereka menggunakan anggota tubuh badan tertentu untuk menyampaikan mesej dan mesej itu akan diterima melalui “lihat” oleh penerimanya. Manakala bahasa kebanyakan OPB berdasarkan saluran “bunyi-dengar”, iaitu penghasilan mesej melalui bunyi-bunyi bermakna yang dihasilkan melalui rongga mulut dan mesej ditafsirkan berdasarkan pendengaran terhadap bunyi tersebut.

Perbezaan saluran komunikasi yang digunakan oleh kebanyakan OPB menyebabkan bahasa dan komuniti mereka tidak mendapat pengiktirafan (Paul, 1998). Hal ini berpunca daripada pandangan lama (perubatan) terhadap bahasa yang digunakan warga ini, iaitu komuniti dan bahasa mereka dilihat sebagai kumpulan yang memiliki kecacatan, bukannya sebagai satu komuniti yang menggunakan bahasa dan mengamalkan budaya sendiri, sama seperti komuniti yang lain (Lane, 2005). Oleh itu, saluran komunikasi yang digunakan mereka semasa berkomunikasi, iaitu isyarat atau *gesture*, dianggap bersifat universal dan bukan sebagai satu bahasa (Woll *et al.*, 2001). Isyarat mereka dilihat sebagai bahasa yang tidak bersistem dan dikaitkan dengan kecacatan pendengaran atau orang cacat.

Tafsiran yang mengatakan isyarat mereka bukan satu bahasa dan tidak bersistem meletakkan bahasa dan komuniti mereka tidak setanding dengan bahasa dan komuniti lain yang berpendengaran (Woll *et al.*, 2001). Namun, usaha yang dilakukan dalam kalangan mereka menunjukkan mereka telah membentuk satu komuniti dengan menggunakan bentuk komunikasi tersendiri. Apakah sebenarnya yang dikatakan komunikasi?

## KONSEP KOMUNIKASI

Komunikasi merupakan satu proses penyampaian maklumat dan inilah fungsi utama bahasa yang dipersetujui oleh ahli-ahli bahasa (Paul, 1998). Sebaliknya, komunikasi bukan sahaja dapat dilakukan melalui bahasa tetapi juga melalui saluran lain (Mayers, 2002). Apa yang dipentingkan

## **ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA**

dalam proses komunikasi ialah maklumat yang disampaikan dapat diterima dan difahami oleh penerimanya. Komunikasi juga dapat dilakukan sama ada secara bersemuka atau tidak bersemuka. Surat, sistem pesanan ringkas dan percakapan melalui telefon ialah alat komunikasi bukan bentuk bersemuka.

Dalam teori komunikasi, sekurang-kurangnya terdapat empat elemen utama terlibat dalam proses berkomunikasi, iaitu penyampai, mesej, saluran komunikasi dan penerima (Mayers, 2002). Elemen tersebut menjawab soalan siapa, apa, bagaimana dan kepada siapa proses komunikasi berlaku. Penyampai boleh datang daripada sesiapa sahaja berdasarkan konteks komunikasi. Mesej pula bergantung pada apa yang hendak disampaikan oleh penyampai. Di samping itu, penyampai mempunyai pelbagai pilihan untuk menyampaikan mesej, melalui saluran apa dan kepada siapa hendak disampaikan.

Terdapat berbagai-bagai saluran untuk mewujudkan komunikasi. Pertuturan, tulisan dan isyarat adalah antara saluran komunikasi utama yang digunakan manusia. Selain itu, lukisan, bunyi, cahaya dan simbol adalah antara contoh saluran yang boleh digunakan sebagai alat komunikasi. Kajian dalam bidang komunikasi dan linguistik mendapati, saluran tersebut dapat dikategorikan sebagai bahasa dan bukan bahasa (Mayers, 2002).

Saluran mana yang akan menjadi pilihan bergantung pada penyampai, bentuk mesej, jarak penerima dan kemudahan yang ada. Contohnya, orang buta menggunakan “titik Braille” di samping bertutur, orang pekak menggunakan isyarat, “Kod Morse” bagi mesej rahsia dan surat bagi jarak jauh.

## **KOMUNIKASI ORANG PEKAK: ASPEK MANUAL DAN BUKAN MANUAL**

Merujuk kepada komunikasi orang pekak, mereka menggunakan anggota badan sebagai saluran berkomunikasi yang dikenali sebagai isyarat. Pengkaji komunikasi orang pekak mengkategorikan anggota badan yang digunakan orang pekak kepada manual dan bukan manual (contoh; Zeshan, 2000; Kyle dan Woll, 1985). Berdasarkan kajian mereka, bentuk “manual” merujuk kepada kesemua pergerakan yang membabitkan tangan sahaja dan bentuk “bukan-manual” merujuk kepada pergerakan anggota badan yang lain. Pengkaji tersebut mendapati terdapat empat elemen utama dalam pergerakan tangan, iaitu bentuk tangan, pergerakan tangan,

kedudukan tangan dan orientasi bentuk tangan semasa orang pekak membentuk isyarat semasa berkomunikasi. Kepala, raut wajah, kening, mata, mulut, bibir, (dan sebagainya yang berkaitan kepala-muka), bahu, tubuh, kaki dan semua pergerakan anggota ini yang digunakan semasa berkomunikasi diklasifikasikan sebagai bentuk bukan-manual.

Pada umumnya, satu-satu isyarat orang pekak terbentuk melalui empat urutan proses berikut apabila berkomunikasi. Pertama bentuk tangan dibentuk, diikuti dengan pergerakan tangan ke mana-mana dan arah tertentu, kemudian kedudukan tangan ditentukan di mana-mana bahagian badan dan berakhir dengan orientasi tangan menghadap ke arah mana. Elemen bukan manual digabungkan bagi melengkapkan makna dalam isyarat yang dihasilkan.


Setiap pergerakan anggota sama ada manual atau bukan-manual membawa makna dalam komunikasi orang pekak (Zeshan, 2002). Oleh itu, setiap pergerakan tersebut tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya kerana pergerakan berbeza membawa makna yang berbeza dan harus dilakukan berdasarkan persetujuan bersama seperti persetujuan sistem bunyi dalam bahasa pertuturan atau lisan. Aspek ini dikenali sebagai aspek fonologi dan morfologi isyarat orang pekak (Zeshan, 2000). Aspek ini tidak dibincangkan dalam kajian ini, dan hal ini sedang dalam kajian penulis untuk melihat aspek tersebut berdasarkan isyarat orang pekak Malaysia. Bentuk manual dan bukan-manual ini dapat diilustrasikan seperti Rajah 1.

Sebagai perbandingan, kajian ke atas BSL mendapat lebih daripada 50 bentuk tangan dan 25 kedudukan tangan dalam pembentukan isyarat (Miles, 1988). Manakala Klima dan Bellugi (1985) mendapat 40 bentuk tangan dan 12 kedudukan tangan dalam ASL. Kajian mengenai hal ini belum terserlah dalam MySL.

Dengan kata lain pengkaji isyarat orang pekak mendapat pergerakan manual dan bukan-manual ada pola dan sistem. "Pola" ialah sesuatu yang berlaku secara konsisten serta berurutan. Contohnya, isyarat yang digunakan oleh orang pekak bagi merujuk sesuatu yang berkaitan dengan fikiran, iaitu sama ada secara geleng kepala, tunjuk pada kepala dan sebagainya yang diperlihatkan melalui kepala.

Manakala "sistem" ialah sesuatu yang berlaku secara menurut aturan. Oleh itu, isyarat yang berasaskan pergerakan anggota badan orang pekak ini tidak dapat disamakan dengan bentuk komunikasi lain yang juga menggunakan anggota badan. Pantomin, isyarat polis trafik, isyarat penjaga trafik lapangan terbang, bahasa badan yang mengiringi percakapan,

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA



**Rajah 1** Elemen komunikasi orang pekak.

dan komunikasi suami isteri yang menggunakan anggota badan adalah antara bentuk komunikasi yang menggunakan anggota tubuh badan sama seperti yang digunakan oleh orang pekak tetapi komunikasi tersebut tidak bersistem. Bentuk komunikasi ini tidak boleh disamakan dengan bentuk komunikasi yang digunakan oleh orang pekak.

Selain tidak bersistem, komunikasi tersebut tidak memiliki cakupan yang luas dan komuniti penggunanya sangat sedikit. Bentuk komunikasi tersebut tidak mampu menyatakan banyak hal dan individu yang memahami satu-satu bentuk isyarat berkenaan juga tidak ramai. Dengan kata lain, mereka tidak mempunyai komuniti pengguna isyarat yang sama, yang diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi secara natural seperti apa yang berlaku kepada pengguna bahasa lisan dan BIOP. Ada yang dicipta dan ada juga berdasarkan konteks situasi. Komunikasi tersebut tidak memenuhi ciri-ciri yang membolehkannya diklasifikasikan sebagai bahasa.

Sistem isyarat polis trafik adalah untuk polis dengan pengguna jalan raya sahaja. Isyarat polis trafik ini juga tidak mampu menyatakan hal lain. Dengan menggunakan bahasa isyarat polis trafik, anggota polis tidak mampu menyatakan hasratnya kepada isterinya supaya menghidangkan nasi untuknya atau meminta anaknya membaca buku kerana pada hari esok ada peperiksaan. Dalam hal untuk membezakan isyarat yang lain dengan BIOP, yang berbagai-bagai pula, Abdullah (2006b: 51) mengemukakan contoh berikut:

Saya mempunyai bilangan anak agak ramai, enam orang semuanya. Semasa mereka kecil-kecil perlakuan mereka menyusahkan pergerakan suami isteri, iaitu saya dan isteri. Pada suatu hari sekitar jam 9 malam, saya dan isteri berhajat untuk melakukan sesuatu tetapi tidak dapat dilakukan segera kerana anak-anak belum tidur. Oleh itu, kami terpaksa menunggu mereka semua tidur dan untuk mempercepat mereka tidur isteri saya mendodoikan mereka di ruang tamu sementara saya menunggu sambil membaca surat khabar. Sesudah pasti mereka tidur, saya menggunakan bahasa badan dengan “mengangkat kening” dan “memalingkan muka” ke bilik tidur kami yang membawa maksud supaya isteri saya segera ke bilik tidur. Kami perlahan-lahan ke bilik tidur dengan melangkah [mengelak daripada terpijak] anak-anak yang sedang tidur. Kami menukarkan pakaian dan segera meluru ke kereta menuju ke pasar raya berdekatan untuk membeli peralatan dapur.

Dalam komunikasi tersebut bahasa badan “mengangkat kening” dan “memalingkan muka”, yang bertujuan khusus dan difahami pasangan suami isteri tersebut sahaja dan pada ketika itu sahaja. Bayangkanlah sekiranya suami melakukan bentuk komunikasi tersebut di hadapan pintu masuk pasar raya kepada perempuan yang lalu lalang di situ. Adakah orang lain memahaminya sepertimana suami dan isteri dalam contoh di atas memahaminya? Apa akan terjadi dan apa pula persepsi orang ramai terhadap suami tersebut? Gambaran di atas menunjukkan bentuk komunikasi isyarat badan tersebut tidak sama dengan isyarat yang digunakan oleh warga pekak.

Sebaliknya jika orang pekak berkomunikasi dengan menggunakan BIOP seperti Rajah 2 secara berurutan, isyarat tersebut membawa makna tertentu yang boleh difahami oleh kebanyakan orang pekak Malaysia. Isyarat tersebut membawa makna “jumpa lagi”, yang lazim digunakan mereka apabila berpisah dalam mana-mana majlis pertemuan.

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA



Kedua-dua belah tangan di depan, tapak menghadap ke dalam membentuk abjad "D".

Kemudian, kedua-dua tangan bergerak ke dalam sehingga bertemu.

Dan tapak tangan kiri di telentangkan sehingga tapak menghadap ke atas. Tangan kiri berubah bentuk daripada abjad "D" kepada abjad "I" lalu digerakkan melengkung ke atas sehingga hujung jari telunjuk mencecah tapak tangan kiri.

**Rajah 2** Bahasa isyarat orang pekak bermaksud jumpa lagi.

Berdasarkan kajian Kyle dan Woll (1985), isyarat yang digunakan warga Pekak adalah berlainan daripada isyarat lain. Isyarat orang pekak mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu; (1) arbitrari, (2) pola tersendiri, (3) bersistem, (4) mampu menyatakan hal dalam komuniti orang pekak, dan (5) makna dipersetujui dan (6) diwarisi. Ciri-ciri tersebut adalah sama dengan apa yang ada pada bahasa lisan dan berdasarkan ciri tersebutlah pengkaji komunikasi warga pekak mengelompokkan isyarat berkenaan sebagai satu bahasa (Zeshan, 2000; Kyle dan Woll, 1985).

Seperti yang telah dibincangkan, pengasas kajian BIOP ialah Bernard Tervoort tetapi kajian William Stokoe yang lebih komprehensif serta popular dan dilanjutkan oleh pengkaji-pengkaji lain. Di Malaysia, antara mereka yang terawal melihat isyarat orang pekak sebagai satu bahasa ialah Abdullah (1996, 2006) melalui disertasi Ijazah Sarjana Bahasa Moden di Fakulti Bahasa Moden, Universiti Malaya dan tesis Doktor Falsafah di University of Birmingham, United Kingdom. Disertasi beliau melihat aspek fonologi dan morforlogi, manakala tesis beliau berkaitan aspek sintaksis dan wacana.

Manakala Persekutuan Orang Pekak Malaysia (2000) melakukan pengumpulan kosa kata isyarat orang pekak Malaysia dan hasil pengumpulan isyarat-isyarat tersebut telah didokumentasikan oleh POPM dalam beberapa jilid buku dan cakera padat (CD). Dalam hal membuat penyelidikan BIOP di Malaysia, didapati usaha ini dilakukan oleh POPM secara bersendirian melalui dana yang diperoleh daripada pelbagai pihak yang prihatin dengan perjuangan mereka. Namun, khidmat kepakaran diimport daripada luar negara (wawancara penulis dengan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2004). Tidak pula diketahui mengapa agensi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan institusi pengajian tinggi, yang memiliki kepakaran dalam komunikasi dan bahasa, dan yang menawarkan kursus berkaitan dengan pendidikan khas seperti UM, UPSI, UKM tidak berminat untuk meneliti BIOP dengan lebih mendalam tidak seperti apa yang berlaku di beberapa negara Barat seperti negara Britain, Australia, Amerika dan New Zealand.

Persoalannya, adakah komunikasi yang digunakan orang pekak boleh dikategorikan sebagai satu bahasa atau statusnya sama seperti isyarat yang digunakan oleh kelompak komuniti yang lain? Seperti yang dibincangkan di atas, dari perspektif komunikasi isyarat tersebut mempunyai status sama dengan bentuk komunikasi bahasa lisan dan mengatasi bentuk komunikasi isyarat yang lain. Dari perspektif linguistik juga, pembinaan dan struktur BIOP mempunyai ciri-ciri yang sama dengan bahasa lisan.

## KESIMPULAN

Perubahan tanggapan terhadap orang pekak daripada kumpulan cacat tanpa bahasa kepada satu komuniti dengan bahasa sendiri yang berlaku di luar negara memperlihatkan bahawa komuniti dan bentuk komunikasi mereka telah mendapat pengiktirafan. Pertambahan bilangan negara yang mengiktiraf komuniti dan bentuk bahasa yang digunakan mereka dari semasa ke semasa memperlihatkan penerimaan masyarakat terhadap perubahan ini (Woll *et al.*, 2001). Perjuangan untuk mengubah pandangan ini bukanlah sesuatu yang mudah dan memakan masa yang lama. Begitulah pengalaman yang dialami oleh kebanyakan komuniti orang pekak di mananya sahaja. Umpamanya, setelah 100 tahun orang pekak New Zealand berjuang, bahasa mereka diangkat sebagai bahasa rasmi pada 2006 melalui undang-undang negara. Malah masih terdapat masyarakat yang tidak boleh menerima perubahan pandangan ini.

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

Di Malaysia perjuangan ini telah dan sedang diusahakan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) sekitar awal tahun 2000 dengan meminta Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia menerima isyarat mereka sebagai salah satu medium pengajaran di sekolah yang mempunyai murid-murid pekak. Sehingga kajian ini ditulis, usaha ini masih belum berjaya tetapi perbincangan hal tersebut terus dilakukan (wawancara dengan Presiden POPM, 2009). Jabatan Pendidikan Khas ialah jabatan yang bertanggungjawab terhadap persekolahan kanak-kanak pekak pada peringkat sekolah. Apa-apapun, terpulanglah kepada masyarakat untuk menilai sama ada mereka perlu dilabel sebagai cacat atau pengguna minoriti bahasa.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusoff. 1995. "Orang Pekak-Bisu: Bagaimana Mereka Berkommunikasi?" dlm. *Pelita Bahasa* 7:3, hlm. 16-17.
- Abdullah Yusoff. 1997. "Perhimpunan Orang Pekak yang Mengagumkan" dlm. *Pelita Bahasa* 9:5, hlm. 34-35.
- Abdullah Yusoff, 2002. "Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Pekak" dlm. *Dewan Bahasa* 2:6, hlm. 36-40.
- Abdullah Yusoff, 2004. "Komunikasi Satu Keperluan". Kertas seminar Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam Pertama 2004 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor pada 10 September 2004.
- Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed, "Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Pekak: Suatu Sorotan dar Perspektif Linguistik" dlm. *Jurnal Bahasa* 4:4, hlm. 639-80, 2004.
- Abdullah Yusoff, 2005. "Komunikasi Orang Pekak". Kertas kerja Kursus Peningkatan Pendidikan Khas Program Bermasalah Pendengaran 2005, anjuran Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia di Hotel Langkawi Seaview, Langkawi, Kedah pada 5 hingga 9 Jun.
- Abdullah Yusoff, 2006a. "New Zealand Mengiktiraf Bahasa Isyarat Orang Pekak" dlm. *Dewan Bahasa* 6:11, hlm. 49-51.
- Abdullah Yusoff, 2006b. "Komunikasi Warga Pekak" dlm. *Dewan Bahasa* 6:9, hlm. 48-51.
- Abdullah Yusoff, 2007. "Orang Pekak: Warga Cacat atau Pengguna Minoriti Bahasa" dlm. *Dewan Bahasa* 8:5, hal. 39-41.

ABDULLAH YUSOFF, CHE RABIAAH MOHAMED

- Abdullah Yusoff, 2009. "Orang Pekak Cacat atau Pengguna Bahasa Minoriti: Satu Analisis Retrospektif dan Impaknya Kepada Pendidikan Bahasa Pelajar Pekak". Kertas kerja Seminar Pendidikan dan Inovasi Pendidikan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru di Hotel Beverly Kota Kinabalu, Sabah pada 20-22 Oktober.
- Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed, "Komunikasi Warga Pekak", dlm. *Jurnal Ilmu Pendidikan* Bil:1, hal. 53-70, 2009a.
- Abdullah Yusoff dan Rabiaah Mohamed 2009b. "Recognising Language of the Deaf Community: The Concepts of Communication, Language, Speech, Signing and Their Relationship with the Means of Communication Used by Deaf People". Kertas seminar International Seminar on Sign Language Research 2009, anjuran MySL Research Team, Faculty of Language and Linguistic, University Malaya pada 30-31 Mei 2009.
- Antia, Reed dan Kreimeyer. 2005. "Written Language of Deaf and Hard-of-Hearing" dlm. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*. 10:3, hlm. 244-55.
- Berita MyDEAF News*, 2006. Isu 1 Edisi Khas April 2006. Selangor: Persekutuan Orang Pekak Malaysia
- Gregory *et al.* (ed.), 1998. *Issues in Deaf Education*. London: David Fulton Publishers.
- Jabatan Pendidikan Khas, 2005. *Laporan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.
- Jabatan Pendidikan Khas, 2006. *Laporan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.
- Knight, P. dan Swanwick, R., 1999. *The Care and Education of a Deaf Child: A Book For Parents*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Klima, E. dan Bellugi, U. 1979. *The Signs of Language*. Cambridge: Harvard University Press.
- Kyle, J. dan Woll, B., 1985. *Language in Sign: An International Perspective on Sign Language*. London: Croom Helm.
- Laman sesawang [http://www.en.wikipedia.org/wiki/legal/recognition\\_of\\_sign\\_languages](http://www.en.wikipedia.org/wiki/legal/recognition_of_sign_languages), akses pada tarikh 10 September 2006.
- Lane, Harlan, "Ethnicity, Ethics and the Deaf-World" dlm. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 10:3, hlm. 291-310, 2005.
- Mayers, D 2002. *Social Psychology*. London: Mc Graw Hill.
- Miles, D,. 1988. *British Sign Language: A Beginner's Guide*. London: BBC Enterprise Ltd.
- Minichiello *et al.*, 1991. *In-Depth Interviewing: Researching People*. Melbourne: Longman Cheshire Pty Limited.

## ORANG PEKAK SEBAGAI CACAT ATAU PENGGUNA MINORITI BAHASA

- Mohamed Sazali Shaari, 2004. "Budaya Orang Pekak". Kertas Persidangan Keluarga Pekak Bahagia' di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur pada 13 Ogos 2004.
- Paul, P., 1998. *Literacy and Deafness: The Development of Reading, Writing and Literacy Thought*. Boston: Allyn & Bacon.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2005. *Berita MyDeaf News*. Kuala Lumpur: Persekutuan Orang Pekak Malaysia.
- Robson, C., 2005. *Real World Research: A Resource for Social Scientist and Practitioner-Researchers*. Oxford: Blackwell.
- Powers, S., Gregory, S., dan Thoutenhooft, E., 1998. *The Educational Achievements Of Deaf Children – A Literature Review*. Suffolk: Dfee Publication.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Watson, L., 1996. *Spotlight On Special Education Needs: Hearing Impairment*. England: Nassen Enterprise Ltd.
- Watson et al., 1999. *Deaf and Hearing Impaired Pupils in Mainstreams School*. London: David Fulton Publisher.
- Wawancara secara bebas antara penulis dengan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Mohamed Sazali Shaari berkaitan dengan "Penguasaan Bahasa Melayu" dalam Persidangan Keluarga Pekak Bahagia di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur pada 13 Ogos 2004.
- Wawancara secara bebas antara penulis dengan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Mohamed Sazali Shaari berkaitan dengan "Bahasa Isyarat Malaysia" sempena penulis diundang untuk menyampaikan syarahan kepada pelatih Jurubahasa Isyarat di Centre for MySQL Menara KLH, Puchong, Selangor pada 28 Julai 2005.
- Wawancara secara bebas antara penulis dengan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Mohamed Sazali Shaari berkaitan dengan "Karnival Pendidikan Khas di IPGM, Kampus Kota Bharu di Centre for MySQL Menara KLH, Selangor pada 22 Mei 2009.
- Woll, B. dan Ladd, P., 2003. "Deaf Communities" dlm. *Deaf Studies' Languages, and Education*. Oxford: Oxford University Press.
- Yule, G., 2003. *The Study of Language*. New York: Cambridge University Press.
- Zeshan, U., 2000. *Sign Language In Indo-Pakistan: A Description Of A Signed Language*. Amsterdam: John Benjamins Company.
- Zeshan, U., 2007. "Sign languages" dlm. *The World Atlas of Language Structures*. Oxford: Oxford University Press. halaman 558-59.